

MAHATHIR - MCA (EX) 1984  
(I)

KUALA LUMPUR, 23 DIS. (BERNAMA)-- KEMAJUAN TELAH DICAPAI DALAM RUNDINGAN UNTUK MENAMATKAN KRISIS MCA SELAMA 10 BULAN, TIDAK SAMPAI 24 J'AM. SELEPAS DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD PULANG DARI LAWATAN RASMI KE LUAR NEGERI.

KETIKA MEMBERSTAHU DEMIKIAN HARI INI PERDANA MENTERI' BERKATA BERITA MENGENAI KEMAJUAN ITU DISAMPAIKAN KEPADANYA OLEH NAIB PRESIDEN MCA YANG DIPECAT, ENCIK TAN KOON SWAN YANG MENGUNJUNG DATUK SERI DR. MAHATHIR DI PEJABATNYA PAGI INI.

+ ENCIK TAN MENEMUI SAYA UNTUK MENERANGKAN MENGENAI PERKEMBANGAN BERHUBUNG DENGAN USAHA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH MCA. SATU KEMAJUAN TELAH DIBUAT, + KATANYA KEPADA BERNAMA SELEPAS PERTEMUAN 30 MINIT ITU.

BEKAS ANGGOTA JAWATANKUASA PUSAT PARTI ITU, DATUK DR. LINGLIONG SIKHADIR SAMA DALAM PERTEMUAN ITU.

WALAU PUN BUTIR-BUTIR MENGENAI APA YANG DIBANGKITKAN DALAM PERTEMUAN ITU TIDAK DINYATAKAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR GEMBIRA DENGAN PENDIRIAN KEDUA-DUA PUK YANG DIPIMPIN OLEH ENCIK TAN DAN PEMANGKU PRESIDEN MCA DATUK DR. NEO YEE PAN BAHAWA SESUATU TELAH DICAPAI DALAM USAHA-USAHA DAMAI SETIAUSAHA AGUNG BRISAN NASIONAL, ENCIK GHAFAR BABA.

+ YA, SUDAH TENTU SAYA GEMBIRA MEREKA TELAH MENCAPAI SEDIKIT KEMAJUAN, + KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

SUNGGUHPUN DATUK SERI DR. MAHATHIR ENGGAN MENGULAS LEBIH LANJUT MENGENAI SAMPAI ADA KEBUNTUAN DALAM RUNDINGAN YANG DILAPORKAN ITU TELAH TAMAT, SATU KEJAYAAN DALAM MENYELESAIKAN KEBUNTUAN ANTARA KEDUA-DUA PUK SUDAH MULA KELUAR YANG MEMBAYANGKAN SATU PENYELESAIAN AKAN DIPERSETUJUI.

+ ENCIK TAN TELAH BERSETUJU UNTUK MENGELUARKAN SATU KENYATAAN MENGUMUMKAN BUTIR-BUTIR TERBARU MENGENAI PERKARA ITU, + TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional Berkata DATUK DR. NEO BELUM MENEMUAINYA SEJAK BELIAU PULANG KERANA PEMIMPIN MCA ITU TELAH BERCUTI KELUAR NEGERI.

SUNGGUHPUN AWAL HARI INI, KAKITANGAN DIPEJABAT ENCIK TAN DAN DATUK DR. LING ENGGAN MEMBERSTAHU MENGENAI APA YANG SEDANG BERLAKU, ERMENA DEXFAHAMKAN KEMUDIAN BAHAWA MEREKA SEDANG MENGADAKAN + RUNDINGAN + DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR.

KENYATAAN PERDANA MENTERI HARI INI MENGENAI KEMAJUAN YANG DICAPAI DISIFATKAN OLEH PARA PEMERHATI POLITIK SEBAGAI SATU PERKEMBANGAN BESAR KERANA HARAPAN UNTUK MENCAPAI PENYELESAIAN AWAL KELIHATAN PUDAR SEJURUS SEBELUM PERDANA MENTERI PULANG SEMALAM WALAU PUN TERDAPAT LAPORAN BAHAWA KRISIS ITU AKAN TAMAT KETIKA ITU.

KENYATAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEMALAM BAHAWA KRISIS ITU PERLU DISELESAIKAN WALAU PUN TIDAK DITETAPKAN MASANYA NAMPAKNYA TELAH MEMBERI TENAGA KEPADA PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT DALAM KRISIS ITU.

KENYATAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM BAHAWA MCA MUNGKIN MENDAPAT BERFAEDAH UNTUK MEMBUAT PILIHAN KELUAR BUAT SEMENTARA DARIPADA BARISAN NASIONAL SEHINGGA KRISIS ITU SELESAI JUGA NAMPAKNYA TELAH MEMBERI KESAN KEPADA KEDUA-DUA PUK UNTUK Mencari JALAN PENYELESAIAN.

EKORAN ITU, SETIAUSAHA AGUNG PARTI, TAN SRI CHONGHON NYAN MEMBUAT SATU KENYATAAN POSITIF KEPADA KOMUNITI CINA DAN ANGGOTA-ANGGOTA MCA BAHAWA MCA AKAN MUNCUL SEBAGAI SEPUAH PARTI YANG + PERSATU DAN KUAT + SELEPAS KRISIS ITU.

SEBELUM BERLEPAS KE LUAR NEGERI PAGI INI, DATUK DR. NEO DILAPORKAN BERSEMANGAT DAN GEMBIRA, MEMBAYANGKAN BAHAWA SATU PENYELESAIAN AKAN DICAPAI BERHUBUNG DENGAN KRISIS YANG BERMULA AWAL TAHUN INI EKORAN DARIPADA ISU ANGGOTA PALSU DAN PEMECATAN ENCIK TAN DAN 13 ANGGOTA PARTI YANG LAIN. -- BERNAMA  
1538MST 3% 1984